

NO SOALAN : 74

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN
BIN MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

**TARIKH : 11.3.2015
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah aset ketenteraan yang boleh digunakan bukan sahaja untuk peperangan tetapi aset yang boleh dikategorikan sebagai “pelbagai guna” seperti boleh digunakan untuk *Operasi Search and Rescue* dan boleh digunakan untuk menghadapi bencana seperti banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Aset-aset sedia ada di dalam inventori Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada keseluruhannya boleh digunakan dan telahpun digunakan sebagai aset pelbagai guna ketika aman, perang dan bencana alam. Aset-aset yang dimaksudkan adalah seperti kenderaan-kenderaan pengangkutan darat, bot-bot Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan juga pesawat pengangkut dan helikopter kepunyaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang telah digunakan secara meluas dan berkesan semasa banjir.

Bagi cadangan untuk menambah aset-aset pelbagai guna ketenteraan, ATM telah menyenaraikan perolehan Mobiliti Tentera Darat yang terdiri daripada trak 3 tan, trak 7 tan, trak pembawa air (water bowser) dan *All Terrain Vehicles* (ATV). Manakala bagi Tentera Laut, perolehan seperti bot juga telah didaftarkan ke dalam RMKe-11.